

Mahathir berfikiran

23 NOV 1997
Daripada Haniff Hadi

DAKAR (Senegal), Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak negara anggota G15 dan negara Selatan lain berfikiran Selatan (think south) dan tidak terlalu berkiblatkan Utara.

Perdana Menteri berkata, adalah penting bagi negara Selatan merapatkan barisan dan berinteraksi dengan lebih kerap untuk memahami dan mengetahui kehendak serta keperluan negara Selatan.

"Di sidang puncak G15 Kuala Lumpur, Pengerusi Suruhanjaya Selatan-Selatan, Julius Nyerere, menyatakan masalah asas negara Selatan ialah sikap terlalu mengagung dan bergantung harap pada Utara.

"Sikap ini harus dikikis dan kita harus memandang pada diri sendiri dan di kalangan negara Selatan untuk berurusan," katanya di sidang akhbar di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, negara Selatan harus berhubungan dan lebih penting ia mesti dilakukan tanpa melalui negara ketiga.

Beliau juga menekankan pentingnya negara Selatan merapatkan barisan supaya mereka boleh berunding dengan Utara secara berkesan.

"Jika hubungan kita rapat, kita akan memperolehi pelbagai manfaat. Sebagai contoh, kerjasama Selatan-Selatan sudah meningkatkan jumlah dagang sebanyak 150 peratus dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Menurut Dr Mahathir, dalam lawatan beliau ke negara Selatan untuk membuka peluang perdagangan dan pelaburan, beliau melihat negara Selatan kaya dengan pelbagai sumber asli, tenaga kerja dan kebudayaan.

Katanya, ada pelbagai bentuk teknologi yang dimajukan di Selatan, boleh digunakan di negara Selatan lain jika kewujudannya diketahui.

"Teknologi itu lebih sesuai kepada pembangunan Selatan dan harganya jauh lebih murah berbanding yang diimport dari Utara. Tetapi kita tidak boleh menggunakannya jika kewujudannya tidak diketahui.

"Saya juga percaya kita mesti mewujudkan rangkaian komunikasi menerusi laut dan udara serta menyediakan peralatan komunikasi canggih.

"Selain hubungan dagang, kita juga perlu mewujudkan hubungan peribadi di kalangan masyarakat pedagang," katanya.

Beliau juga menjelaskan, G15 kini mengarah ke landasan yang dikehendaki tetapi iltijam lebih kuat daripada negara anggota masih diperlukan.

Katanya, di segi objektif, ia sudah nyata seperti yang dilihat daripada

LIHAT MUKA 2

Selatan ajak G15

Setuju tambah anggota

DARI MUKA 1

keayaan Pusat Pertukaran Data Perdagangan, Pelaburan dan Teknologi Selatan (Sittdec) dan perjanjian pembayaran dua hala.

Mengenai usaha G15 menambah anggota kumpulan itu, beliau berkata idea itu sudah diterima, cuma cara untuk menentukan belum dibuat.

B.H. 23 NOV 1997

"Sebenarnya pertambahan ahli dibuat secara rambang. Apa yang ditekankan ialah soal jumlah dan imbalan perwakilan," katanya.

Ditanya mengenai sama ada usaha G15 lebih berbentuk cadangan mulut dan tidak disokong cadangan fiskal, Dr Mahathir berkata ia harus bermula

daripada cadangan mulut kerana perancangan ekonomi negara berbeza.

Mengulas kenyataan Argentina yang mahu fungsi G15 diubah suai, beliau berkata perkara itu masih tidak jelas.

"Bagaimanapun saya percaya, Argentina mahu terus dalam G15," katanya.